



**SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
LONDON, UNITED KINGDOM**

A. TATACARA BAGI KEHILANGAN KAD PENGENALAN PINTAR ATAU TERCICIR DI UNITED KINGDOM / LUAR NEGERI

Berikut adalah tatacara bagi pelajar mengendalikan Kad Pengenalan Pintar yang hilang atau tercicir di United Kingdom / luar negeri:

1. Pelajar hendaklah melaporkan kehilangan Kad Pengenalan Pintar tersebut kepada pihak Polis di negara tempat ianya hilang atau tercicir (di United Kingdom / luar negeri);
2. Setelah itu pelajar hendaklah melaporkan kehilangan atau tercicir Kad Pengenalan Pintar tersebut dengan menghadapkan secara bersurat kepada:

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan;
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Jalan Menteri Besar,
Negara Brunei Darussalam.

(U.P.: Bahagian Kad Pengenalan dan Pendaftaran Kebangsaan)

Melalui,
Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam,
19-20 Belgrave Square,
London SW1X 8PG,
United Kingdom.

(U.P.: Bahagian Konsular)

3. **Maklumat** yang perlu dinyatakan dalam **surat melaporkan** kehilangan Kad Pengenalan Pintar:
 - i. Nama penuh;
 - ii. Alamat lengkap/terkini;
 - iii. No. telefon bimbit;
 - iv. Tarikh kehilangan atau tercicir;
 - v. Jelaskan bagaimana terjadi kehilangan atau tercicir;
 - vi. Nyatakan tempat kejadian berlaku;
 - vii. Nyatakan tempat pengajian;
 - viii. Tarikh mula dan berakhir pengajian;
 - ix. Nyatakan tarikh akan balik ke Negara Brunei Darussalam (jika berkenaan).
4. Berikut adalah **senarai semak** yang perlu disertakan bersama surat:
 - i. Menghadapkan salinan laporan polis bagi kehilangan atau tercicir;
 - ii. Menghadapkan salinan Kad Pengenalan Pintar;
 - iii. Menghadapkan salinan Surat Beranak;
 - iv. Menghadapkan salinan surat kemasukan Tempat Pengajian / Universiti;

B. PROSES PIHAK SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI LONDON, UNITED KINGDOM

Berikut adalah proses yang dikendalikan oleh Bahagian Konsular, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam bagi Kad Pengenalan Pintar yang hilang atau tercicir:

1. Setelah menerima surat daripada pelajar berserta salinan dokumen yang diperlukan (sila rujuk para A dan B di atas), surat rasmi daripada pihak Suruhanjaya Tinggi dihadapkan ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sebagai makluman;
2. Pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memberi ketetapan mengenai Kad Pengenalan Pintar yang hilang atau tercicir.;
3. Pihak Suruhanjaya Tinggi akan menyampaikan surat kepada pelajar mengenai ketetapan daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

C. TATACARA GANTIAN KAD PENGENALAN PINTAR YANG HILANG ATAU TERCICIR SELEPAS PELAJAR TIBA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Gantian Kad Pengenalan Pintar yang hilang atau tercicir bolehlah dipohonkan selepas mereka tiba di Negara Brunei Darussalam mengikut tatacara berikut:

1. Pelajar adalah dikehendaki untuk membuat laporan kehilangan Kad Pengenalan Pintar ke Balai Polis dengan membawa surat rasmi daripada Suruhanjaya Tinggi;
2. Setelah membuat laporan Polis di Negara Brunei Darussalam, pelajar dikehendaki hadir sendiri ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dengan menghadapkan surat rasmi daripada pihak Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London, United Kingdom dan laporan Polis di luar Negara dan Balai Polis Brunei;
3. Pelajar dikehendaki mengisi borang kad pengenalan dan menghadapkan kepada kakitangan bertugas di Bahagian Kad Pengenalan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di Ibu Pejabat atau Cawangan;
4. Pemegang dikenakan bayaran denda **sebanyak BND\$25.00**. Bayaran ini termasuk bayaran bagi satu Kad Pengenalan dan gambar.